

01 OCT 1996

Menara-Pembukaan

MENARA KUALA LUMPUR DIRASMIKAN DALAM MAJLIS GEMILANG

KUALA LUMPUR, 1 Okt (Bernama) -- Menara Kuala Lumpur, mercu tanda terbaru negara, dirasmikan pada majlis yang gilang-gemilang dan penuh bersejarah oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, malam ini.

Dr Mahathir yang menyifatkan menara setinggi 421-meter itu sebagai "menara yang paling cantik sehingga ini", memotong "reben laser" pada majlis yang penuh berwarna-warni yang disiarkan secara langsung ke seluruh negara menerusi Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM).

Ini diikuti pertunjukan bunga api yang menerangi langit ibu negara, diringi muzik dan nyanyian oleh koir 100-orang dan orkestra 30-orang di hadapan lebih kurang 500 tetamu di menara itu.

Di bawah pula, beribu-ribu penduduk kota raya keluar rumah untuk menyaksikan pertunjukan bunga api yang menerangi langit ibu negara dengan pelbagai corak berwarna warni.

Menara telekomunikasi itu yang keempat tertinggi di dunia, dan yang tertinggi di Asia Tenggara, menarik perhatian ramai sejak ia membuka pintu kepada orang ramai pada 23 Julai lepas.

Dalam ucapan perasmianya, Dr Mahathir menyifatkan menara itu sebagai yang tercantik sekali yang pernah dibina hingga kini.

Komen pihak tertentu yang mengatakan menara itu tidak ubah seperti kelentong permainan kanak-kanak tidak perlu diendahkan kerana ia hanya membuktikan perasaan iri hati mereka, katanya.

"Hakikatnya ialah kita mampu mendirikan menara ini dan kita mempunyai persepsi seni bangunan yang menghasilkan bangunan yang lebih indah daripada menara-menara telekomunikasi di negara maju," katanya.

Dr Mahathir berkata, menara itu penting dalam usaha menyediakan perkhidmatan telekomunikasi yang canggih dan ia juga secara langsung adalah hasil penswastan Jabatan Telekom Malaysia.

"Semasa kerajaan memonopoli perkhidmatan telekomunikasi, kita terpaksa memperuntukkan lebih RM100 juta setahun hanya untuk membantu menyediakan perkhidmatan telekomunikasi. Sudah tentu kita tidak mempunyai wang mencukupi untuk membina menara yang kosnya hampir RM300 juta ini," katanya.

Perdana Menteri mengakui bahawa menara telekomunikasi sebelum ini yang diperbuat daripada batang besi "angle iron" juga dapat memenuhi keperluan perkhidmatan telekomunikasi.

Tetapi, kata Dr Mahathir, menara sedemikian tidak indah dan tidak dapat menjadi perhiasan yang boleh dibanggakan penduduk Kuala Lumpur dan rakyat Malaysia.

"Sebab itulah kita ingin membersihkan dan mencantikkan ibu kota dan bandar-bandar kita dengan tanaman dan lanskap. Bangunan kita bukan hanya untuk menyediakan ruang berguna tetapi juga perlu cantik di pandang mata," katanya.

Dr Mahathir juga memuji hasil kerja tukang-tukang dari Isfahan, di Iran yang turut membantu dalam kerja hiasan menara itu.

Pemandangan Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya yang sungguh menakjubkan hati menunggu pelawat-pelawat di platform pemerhati di aras pertama kepala menara itu. Bagi mereka yang mahu menikmati jamuan dengan penuh gaya boleh berbuat demikian di restoran tertinggi Malaysia, Seri Angkasa di aras kedua.

Menara Kuala Lumpur yang direkabentuk oleh Kumpulan Senireka Sdn Bhd menunjukkan ciri-ciri warisan Islam di negara ini dan pembinaannya bermula

pada Mei 1992.

Menara yang diusahakan bersama oleh Telekom Malaysia dan Wayss & Freytag AG dari Jerman, dibahagikan kepada empat bahagian: tapak menara, tingkat untuk pelancong, terowong menara dan kepala enam tingkat.

Di samping platform pemerhati dan restoran berputar, kepala menara itu juga menempatkan stesen penyiaran radio dan television serta stesen telekomunikasi.

Untuk memastikan keselamatan, menara itu dilengkapi peralatan pemadam kebakaran yang canggih. Ia juga mempunyai kawasan perlindungan jika berlaku kebakaran di kepala menara itu.

-- BERNAMA

MAM PR AHH